

## **SEKAPUR SIRIH**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Syukur ke hadrat Allah SWT atas rahmat dan kurnia-Nya kerana pada hari ini Majlis Pentauliahannya Leftenan Muda Kesatria Kali Ke-18 dapat dilaksanakan secara fizikal. Saya mengucapkan terima kasih dan tahniah atas segala usaha dan kerjasama daripada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

Komander Kesatria ialah jenama Universiti Teknologi MARA sejak penubuhannya pada tahun 1976. Ia melibatkan kumpulan pelajar yang dibentuk dan diberi pendedahan kepada ciri-ciri kepimpinan dan disiplin yang meliputi aspek rohani, jasmani dan emosi. Pada awal penubuhannya yang dikenali Unit Kesatria dan kini sebagai Pusat Kokurikulum UiTM Shah Alam, Unit Kokurikulum Kampus Cawangan dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar begitu komited melatih dan melahirkan pemimpin muda melalui aktiviti Badan Beruniform. Komander Kesatria UiTM merupakan kebanggaan bagi warga seluruh kampus atas sumbangan jasa dan pengorbanan sepanjang pengajian yang telah memberikan manfaat besar kepada Universiti.

Alhamdulillah, melalui Komander Kesatria, pihak universiti telah melahirkan Alumni UiTM yang cemerlang dalam arena pekerjaan. Semoga aktiviti yang dilaksanakan dapat terus memberi peluang dan manfaat kepada para graduan untuk memperkayakan diri dengan pengetahuan dan pengalaman yang mam memberikan nilai tambah kepada mereka.

Akhir kata, sekali lagi saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan majlis yang penuh disiplin dan protokol ini khususnya UiTM Cawangan Selangor.

Terima kasih.

**PROFESOR DATUK DR. HAJAH ROZIAH MOHD JANOR**

Naib Canselor UiTM